

# PENGAUDITAN PEJABAT PERWAKILAN

## Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi, India

### LATAR BELAKANG

1. Pengauditan Pejabat Perwakilan Luar Negara memberi tumpuan kepada pengauditan pengurusan kewangan bagi memastikan wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, aset dan pengurusan tunai. Pengauditan Pejabat Perwakilan kali terakhir dijalankan pada tahun 2016. Bermula tahun 2024, pengauditan ini telah dimulakan semula dan Pejabat Perwakilan yang pertama dipilih ialah Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi (STMND), India.

2. STMND telah ditubuhkan pada 1957 untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan India. India adalah antara negara pertama yang mana Malaysia menubuhkan misi diplomatiknya sejurus selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

3. Pada tahun 2023, STMND telah menerima peruntukan sejumlah RM2,737,911 di bawah Perbelanjaan Mengurus dan RM623,398 di bawah Perbelanjaan Pembangunan dengan jumlah yang telah dibelanjakan masing-masing berjumlah RM2,705,029 (98.8%) dan RM622,398 (99.8%).

### OBJEKTIF PENGAUDITAN

4. Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada sistem kawalan dalaman bagi kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, panjar dan pengurusan aset adalah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

### SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

- Pengauditan dijalankan dengan pemeriksaan dokumen kewangan berkaitan dari bulan Januari hingga Disember 2023.
- Pengauditan ini dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, panjar serta pengurusan aset di pejabat STMND.
- Lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga dijalankan bagi mendapatkan pengesahan.

### PENEMUAN AUDIT

5. Pengauditan di STMND telah dijalankan pada 27 Februari hingga 1 Mac 2024. Sesi Mesyuarat Pra-Penutup telah diadakan pada 1 Mac 2024. Sebanyak enam penemuan Audit telah dibincangkan bersama pihak STMND yang turut dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Luar Negeri (KLN). Rumusan bagi penemuan Audit adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENEMUAN AUDIT**

Kawalan Pengurusan	Kawalan Perbelanjaan	Kawalan Aset	Jumlah Penemuan
1	3	2	6

---

## Kawalan Pengurusan

---

### Perjawatan Tidak Mengikut Waran yang Diluluskan

6. Pihak Audit mendapati Pejabat Malawakil di STMND telah diluluskan waran perjawatan seramai 45 kakitangan yang terdiri daripada 10 kakitangan Malaysia dan baki seramai 35 merupakan kakitanganambilan tempatan. Walau bagaimanapun, **pengisian perjawatan** adalah **tidak mengikut waran perjawatan yang diluluskan** oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) antaranya, Pesuruhjaya Tinggi merupakan pegawai daripada Gred Utama JUSA B berbanding perjawatan yang diluluskan iaitu Gred Utama JUSA A.

### Maklum balas KLN diterima pada 9 September 2024

KLN telah mengemukakan surat berkaitan Cadangan Penstrukturan Semula Kementerian Luar Negeri kepada JPA pada 28 Mei 2024. Sehingga kini, JPA sedang meneliti cadangan penstrukturan semula KLN.

---

## Kawalan Perbelanjaan

---

### Pembayaran Kadar Premium dan Sewaan Tidak Dibuat

7. Pihak Audit mendapati **kadar premium dan sewaan**, masing-masing berjumlah **INR216,240 (RM11,933) dan INR5,406 (RM298) setahun tidak dibayar** kepada Kerajaan India.

### Maklum balas STMND diterima pada 20 Mac 2024

STMND telah mengutus Nota Diplomatik kepada Kementerian Luar Negeri India pada 15 Mac 2024 bagi mendapatkan pengesahan lanjut berhubung obligasi STMND dalam melunaskan sewaan tahunan tersebut.

### Maklum balas KLN diterima pada 9 September 2024

Setakat ini tiada tuntutan yang dikemukakan oleh Kerajaan India. Walau bagaimanapun, isu premium dan sewaan adalah melibatkan isu timbal balas berdasarkan Artikel 23(1) Konvensyen Vienna mengenai hubungan diplomatik di bawah Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 [*Akta 636*].

### Tiada Dokumen Penetapan Kadar Perkongsian Secara Pro Rata Bagi Pembayaran Utiliti

8. Pihak Audit mendapati kadar perkongsian pro rata bagi caj utiliti di Bangunan STMND, ditetapkan pada kadar 53.3% bagi KLN, 10.4% bagi MINDEF, 10.3% bagi MITI, 16.4% bagi Jabatan Imigresen dan 9.6% bagi JPM. Walau bagaimanapun, STMND **tidak menyimpan sebarang dokumen yang menyokong penetapan kadar perkongsian pro rata** antara pejabat KLN dan pejabat wakil agensi yang berkaitan.

---

**Maklum balas STMND diterima pada 20 Mac 2024** STMND telah melaksanakan tindakan proaktif untuk mendapatkan pengesahan semula dari semua ketua agensi di STMND berhubung pengiraan jumlah perkongsian kos operasi menerusi memo yang dikeluarkan oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi merangkap Ketua Canseri bertarikh 19 Mac 2024.

---

**Kaedah Bon Pelaksanaan Tidak Tepat** 9. Pihak Audit mendapati **bon pelaksanaan** bagi perolehan kamera litar tertutup (CCTV) dan cat rumah Home Based Staff STMND **tidak dibuat berdasarkan kaedah berkuat kuasa tetapi secara pemberian cek** yang mempunyai tempoh sah laku selama tiga bulan daripada tarikh pengeluaran cek. Perkara ini tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan 4.2.

---

**Maklum balas STMND diterima pada 20 Mac 2024** STMND memaklumkan memo dalaman akan dikeluarkan bagi menggunakan kaedah secara *banker's cheque* atau *demand draft* dalam perolehan akan datang, memandangkan kaedah bon pelaksanaan seperti yang disarankan bukan amalan biasa di India.

---

**Maklum balas KLN diterima pada 9 September 2024** STMND telah menerima *demand draft* daripada pihak kontraktor yang dijadikan sebagai bon pelaksanaan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

---

## Pengurusan Aset

---

**Perubahan Skop Kerja Bagi Perolehan Pembaikan CCTV di Bangunan Canseri, STMND Tiada Kelulusan** 10. Pihak Audit mendapati **perubahan skop kerja tidak dibawa kepada Jawatankuasa Pelulus (JKP)** bagi tujuan kelulusan iaitu daripada pembaikan sebanyak 24 unit CCTV kepada penggantian baru sebanyak 29 unit CCTV dengan kos kerja yang berjumlah INR445,000 (RM24,557) atau 24.7% daripada kos keseluruhan berjumlah INR1,800,680 (RM99,371).

---

**Maklum balas STMND diterima pada 20 Mac 2024** Selaras dengan penemuan Audit berhubung perkara tersebut, STMND telah mewujudkan Jawatankuasa Arahkan Perubahan Kerja Peringkat Perwakilan yang telah bersidang pada 4 Mac 2024. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh TYT Dato' Muzafar Shah Mustafa, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia telah meluluskan perubahan spesifikasi atau perubahan kerja bagi sebut harga STMND/SH/006/2023 Kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan Keselamatan CCTV di Kompleks Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi.

---

---

**Pendaftaran Aset CCTV Tidak Dibuat**

11. Pihak Audit mendapati sebanyak **29 unit CCTV** baharu yang telah dibekalkan pada 17 Oktober 2023 **masih belum didaftarkan dalam Daftar Aset STMND** sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan dengan **kelewatan selama 133 hari**.

---

**Maklum balas STMND diterima pada 20 Mac 2024**

Pegawai Aset STMND telah melaksanakan pendaftaran 29 unit CCTV yang ditukarkan melalui Sistem Pengurusan Aset.

---

**RUMUSAN**

12. Secara keseluruhannya, sistem kawalan dalaman yang diwujudkan bagi kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, panjar dan pengurusan aset adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan pihak STMND dan KLN selanjutnya.

---

**SYOR AUDIT**

13. STMND perlu memastikan pengisian perjawatan berdasarkan waran perjawatan yang telah diluluskan oleh JPA.

14. STMND perlu memastikan pematuhan terhadap kawalan perbelanjaan seperti mendapatkan pengesahan terhadap keperluan pembayaran kadar premium dan sewaan tahunan.

15. STMND perlu memastikan pemantauan dilaksanakan dari semasa ke semasa dan diberi pendedahan dalam latihan berkaitan pengurusan kewangan.